



Jalan Menuju

الله

Bingkisan Syeikh Yusuf al-Taj al-Khalwaty di Ceylon

SYAMSUL BAHRI ANDI GALIGO

Jalan Menuju Allah

Bingkisan

Syeikh Yusuf al-Taj al-Khalwaty di Ceylon

Jalan Menuju Allah
Bingkisan
Syeikh Yusuf al-Taj al-Khalwaty di Ceylon

SYAMSUL BAHRI ANDI GALIGO

Penerbit
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2012

CETAKAN PERTAMA 2012

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PENERBIT USIM

Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel:06-798 8226/6081 Faks:06-798 6083
penerbit.usim.edu.my
pej.penerbitan@usim.edu.my

**PENERBIT USIM ADALAH ANGGOTA
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Dicetak di Malaysia oleh:

PERCETAKAN MESBAH SDN. BHD.

No. 11, Jalan Tun Perak 6,
Taman Tun Perak
43200 Cheras
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-9105 6473/6469 | Faks : 03-9105 6469
p.mesbah@yahoo.com.my | *p.mesbah2009@gmail.com*

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Syamsul Bahri Andi Galigo

Jalan menuju Allah: bingkisan Syeikh Yusuf al-Taj al-Khalwaty di Ceylon / Syamsul Bahri Andi Galigo.

ISBN 978-967-0393-41-4

1. Al-Khalwaty, Yusuf al-Taj. 2. Sufism. 3. Sufism--Doctrines.

I. Judul.

297.4

Jalan Menuju Allah

Bingkisan Syaikh Yusuf al-Taj al-Khalwati di Ceylon

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
<i>Pendahuluan</i>	<i>ix</i>
<i>Bab I: Pengenalan Risalah "Al-Nafhak Al-Saylaniyyah"</i>	<i>15</i>
<i>Bab II: Autobiografi Syaikh Yusuf Al-Taj Al-Khalwatiy</i>	<i>19</i>
<i>Bab III: Teks dan Terjemahan Naskah (Kajian Tawthiq)</i>	<i>53</i>
<i>Bab IV: Ulasan dan Rumusan</i>	<i>125</i>
<i>Rujukan</i>	<i>137</i>
<i>Lampiran:</i>	
<i>Daftar Ayat-ayat al-Qur'an</i>	<i>143</i>
<i>Daftar Hadis-hadis</i>	<i>147</i>
<i>Glosari</i>	<i>157</i>

Prakata

Syeikh Yusuf al-Taj al-Khalwatiy yang dikenali juga sebagai Syeikh Yusuf Makassar ialah seorang tokoh intelektual Islam yang hidup pada penghujung kurun ke-17 Masihi. Beliau merupakan ulama Asia Tenggara yang telah menghabiskan sisa umurnya dalam memperkembangkan dakwah Islamiah dalam tiga kawasan berasingan, iaitu alam Melayu, negeri Ceylon (tanah India) dan Afrika Selatan. Hasil karya beliau belum banyak diterbitkan untuk bacaan orang awan. Oleh yang demikian dalam buku ini cuba diketengahkan satu hasil karya beliau yang tajuk asalnya adalah “al-Nafhat al-Saylaniyyah fi al-Minhat al-Rahmaniyyah”.

Tujuan utama buku ini ditulis oleh beliau adalah untuk memberi penjelasan kepada umat Islam umumnya, serta untuk anak murid beliau tentang kedudukan ilmu tasawuf dalam Islam, supaya tidak wujud silap faham tentangnya. Begitu juga tentang cara hamba yang ingin melakukan suluk, mendekati diri kepada Allah melalui ibadah dan zikirullah, maka harus mempelajari kayfiat dan tatacara yang termudah dan sah dalam mengamalkannya. Dan hendaklah berwaspada dari melakukan suluk yang tidak diperakui oleh syarak.

Bagi mereka yang menghayati amalan tarekat tasawuf, maka buku ini amatlah bermanfaat, kerana ia memberi tuntunan yang amat jelas dalam perkara suluk bagi mendekati diri (taqarrub) kepada Allah SWT. Ia boleh menjadi kayu ukur bagi melihat kesahihan amalan dan ibadah yang dianjurkan dalam institusi tarekat tasawuf yang kini semakin digemari oleh masyarakat Islam awan.

Buku ini boleh dianggap sebagai pengantar untuk lebih mengenali lagi kedudukan ilmu tasawuf sebagai bahagian yang tidak terpisahkan dengan ilmu-ilmu Islam yang lain seperti ilmu fikah, ilmu tauhid, dan lain-lainnya. Apatah lagi dewasa ini, terdapat segelintir pengkaji yang cuba menanamkan rasa syak kepada masyarakat awan tentang tasawuf

ini. Mereka cuba mewara-warakan perkara negatif yang wujud dalam amalan sebahagian ahli tarekat. Malah kadang-kadang menganggapnya sebahagian daripada bidaah yang ditolak oleh ulama salaf. Walau bagaimanapun dakwaan mereka tidak dapat melunturkan keghairahan sebahagian besar umat Islam untuk menekuni bidang tersebut.

Mudah-mudahan langkah awal ini mendapat sambutan yang baik bagi segenap umat Islam dalam memperbaiki pemahamannya terhadap tasawuf Islam dan sekali gus dapat memperbaiki ibadahnya kepada Yang Maha Kuasa, terutama yang berkait dengan masalah kekhusyukan dan keikhlasan yang menjadi asas diterimanya amal ibadah kita. Di samping itu, tulisan ini juga boleh menambahkan lagi khazanah intelektual Islam dan memperkenalkan ulama Nusantara di arena antarabangsa, Insya-Allah...

SYAMSUL BAHRI ANDI GALIGO

Pendahuluan

Dalam kawasan kebudayaan Melayu di Nusantara, telah berkembang tradisi pemikiran Islam yang dapat dibahagikan dalam dua peringkat; pertama adalah tradisi intelektual Islam yang bercambah sebelum munculnya fahaman pembaharuan (modenisme) Jamaluddin al-Afghaniy, Muhammad Abduh, Muhammad Iqbal dan lain-lainnya lagi. Peringkat kedua pula, adalah pemikiran Islam yang berkembang setelah terdedah dengan pengaruh modenisme tersebut.

Tradisi pemikiran Islam pada peringkat pertama, misalnya yang dikembangkan antara lain oleh Hamzah Fanshuri, Shamsuddin al-Sumatra'i, Nuruddin al-Raniry dan Abdul Rauf Singkel, mereka semua dari Aceh, Darussalam. Di luar Aceh pula terdapat warisan intelektual daripada Syeikh Yusuf Makassar, Abdul Wahhab Bugis (Sulawesi), Muhammad Arsyad Banjar, Muhammad Nafir Banjar (Kalimantan), Abdul Samad Palembang (Sumatra), Nawawi Banten, Ihsan Kediri (Jawa) dan lain-lainnya.

Dalam peringkat kedua pula, iaitu pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 percambahan pemikiran telah berlaku akibat daripada pengaruh secara langsung atau tidak langsung dengan aliran modenisme Islam, seperti pemikiran Haji Omar Said Tjokroaminoto, Haji Agoes Salim, Haji Ahmad Dahlan, Haji Hasjim As'ari, dan juga Ahmad Surkati. Selepas mereka, muncullah tokoh-tokoh Islam yang lain meneruskan perjuangan pendahulunya, seperti Muhammad Natsir, Abdul Malik Karim Amarullah, Mahmud Yunus, Abdul Rahman Ambo Dalle dan tokoh-tokoh lain.

Tradisi pemikiran Islam tersebut, terutama pada peringkat pertama, masih kurang dikenali lagi, sama ada oleh kalangan penyelidik Islam mahupun oleh penyelidik kaum Muslimin sendiri. Mungkin

perkara ini berlaku disebabkan kedudukan geografi gugusan tanah Melayu (Nusantara) yang relatif jauh dari pusat dunia Islam. Tambahan pula, kontak dan pengenalan yang mendalam terhadap kawasan ini oleh para Orientalis atau pengamat Islam lainnya relatif baru, iaitu ketika penjajah Barat mulai merasakan keperluan untuk mengetahui Islam dan masyarakatnya bagi tujuan dan kepentingan kolonialisme.

Oleh yang demikian, tulisan ini mengkaji secara filologi karya tulis Syeikh Yusuf Al-Taj al-Khalwatiy dan riwayat hidup beliau, sebagai seorang tokoh dan ulama besar Nusantara yang hidup pada penghujung kurung ke-17 Masihi. Pada tahun 1994 telah berlangsung peringatan 300 tahun daripada awal kedatangannya ke Cape Town (Afrika Selatan) dan peringatan hari kelahirannya yang ke-368, yang diadakan di Cape Town (Afrika Selatan) dan Makassar (Sulawesi Selatan) (lihat Majallah Tempo, April 1995).

Risalah beliau yang dikaji dalam buku ini, ialah *al-Nafbah al-Saylaniyyah fi al-Minhah al-Rahmaniyyah*, yang sehingga hari ini masih lagi dijadikan buku teks asas pengajaran dan rujukan oleh ahli tarekat *Khalwatiyyah Syaikh Yusuf*, terutamanya di daerah asal beliau, Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Kajian ini turut diperkuatkan lagi dengan karya-karya beliau yang lain yang mempunyai kaitan dengan tasawuf. Di samping itu, kajian-kajian lain turut dilakukan untuk mencari asal-usul pemikiran beliau dengan mengadakan kajian terhadap kitab-kitab *turath* tasawuf, seperti *al-Luma'* (al-Tusiy), *Tabaqat al-Sufiyyah* (al-Sulamiy), *Kasyf al-Mahjub* (al-Hujwiriyy), *al-Risalah al-Qushayriyyah* (al-Qushayriyy) dan lain-lain. Tujuannya adalah bagi mendapatkan kesimpulan sejauh mana pemikiran tasawuf beliau adalah tidak terkeluar daripada pemikiran dan fahaman tasawuf Ahli Sunnah Wal-Jamaah (Sunni).

PENDEKATAN PENULISAN

Supaya tulisan ini lebih sistematik, ilmiah dan dapat dipertanggungjawabkan, maka pendekatan yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Ia diasaskan kepada usaha mentahqiq risalah *al-Nafbah al-Saylaniyyah fi al-Minhah al-Rahmaniyyah*, baik dari segi nisbahnya kepada Syeikh Yusuf al-Taj sendiri sebagai penulis ataupun isi

kandungannya termasuk ulasan dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu. Sebagai satu kajian *tabqiq* (filologi) diperlukan sekurang-kurangnya tiga naskhah yang berasingan, satu antaranya sebagai naskhah asal dan selainnya dijadikan sebagai naskhah bandingan yang dapat menyokong kesahihan kajian yang dimaksudkan.

Di samping itu, diperlukan juga kajian terhadap karya tulisannya yang lain untuk lebih menguatkan lagi hasil kajian yang akan dicapai. Demikian pula pemikiran tasawuf para ulama yang mendahuluinya dengan tujuan untuk melihat sejauh mana keterlibatan Syeikh Yusuf al-Taj al-Khalwaty dalam memahami rujukan-rujukan sebelumnya dan sekali gus memberi kefahaman mengenai kesan pemikiran yang turut mewarnai pemikiran beliau dalam tulisan-tulisannya.

2. Data kualitatif mengenai biografi Syeikh Busu serta perjuangannya dalam dakwah dan penulisan karya ilmiahnya turut digunakan dalam kajian ini yang mengutamakan pengamatan dan temu ramah kepada tokoh tertentu. Dalam masa yang sama, rujukan tradisional orang Bugis yang disebut sebagai Lontarak, yang berisi sejarah, tradisi budaya, dan ajaran keagamaan turut digunakan. Oleh itu, diperlukan menelusuri naskhah Arab atau Melayu tradisional yang meriwayatkan sejarah hidup Syeikh Yusuf dan karya tulisannya. Rujukan ini termasuklah pustaka asing yang mengandungi riwayat hidup beliau yang ditulis pada zaman penjajahan Belanda, terutama kehidupan beliau di Banten (Jawa Barat), Ceylon (Sri Langka) dan Afrika Selatan.
3. Kajian ini dimulakan dengan mengkaji karya tulisan Syeikh Yusuf, baik yang ditulis dalam bahasa Arab mahupun yang ditulis dalam aksara Lontarak (Bugis), yang pada kebanyakannya masih lagi dalam bentuk manuskrip (sebahagiannya telah pun dimasukkan dalam mikrofilem), diikuti dengan penelitian terhadap lontarak kerajaan Bugis yang masih banyak tersebar dalam masyarakat di Sulawesi Selatan, yang dimiliki oleh individu tertentu khusus mengenai riwayat Syeikh Yusuf al-Taj dalam dua versi, iaitu versi Gowa dan Tallo.

Kajian ini juga turut melihat tulisan-tulisan yang pernah diterbitkan dalam bahasa Indonesia dan Melayu, diterbitkan di majalah, akhbar, dan kertas kerja atau karya ilmiah (tesis dan disertasi). Semua tulisan yang dijumpai tentu mempunyai persepsi yang berbeza tentang Syeikh Yusuf dan pemikirannya, ekoran tradisi lisan yang berbeza-beza, ataupun dari pembacaan yang sepintas lalu daripada penulisnya.

4. Tulisan ini turut melihat rujukan bertulis yang ada di perpustakaan di kota Makassar, terutama perpustakaan Universitas Hasanuddin (UNHAS), Universitas Muslim Indonesia (UMI) dan Universitas Islam Negeri (UIN) Alauddin dan Universitas Islam Makassar (UIM). Sementara naskhah-naskhah tulisan Syeikh Yusuf yang original telah pun disemak dan diteliti di Perpustakaan Nasional, jalan Salemba di Bandaraya Jakarta.

Oleh kerana kandungan buku ini merupakan *dirasah tabqiqiyyah* (kajian philology), dan kajian biografi Syeikh Yusuf al-Taj al-Khalwatiy melalui tulisannya iaitu risalah *al-Nafhat al-Saylaniyyah fi al-Minbat al-Rahmaniyyah*, maka kandungan buku ini disusun seperti berikut:

BAB PERTAMA: Pengenalan kajian teks naskhah risalah *al-Nafhat al-Saylaniyyah*; dalam perkara ini diperlukan kajian khas dalam menganalisis maklumat yang boleh memberi kesimpulan, bahawa risalah tersebut adalah karya tulisan asli kepada Syeikh Yusuf al-Taj al-Khalwatiy.

BAB KEDUA: Riwayat hidup Syeikh Yusuf sebagai *figure* ulama dan cendekiawan Islam yang telah menghasilkan naskhah tersebut dengan menyentuh aspek-aspek perjuangan dan dakwah beliau, juga perkara yang mempengaruhi pemikiran beliau dalam menuntut ilmu, bermula semasa beliau masih kecil di Makassar, Sulawesi, kemudian berhijrah ke Banten, Jawa Barat, dan ke Aceh Darussalam, terus mengembara ke negeri Hijaz (Jazirah Arabia) dalam rangka menuntut ilmu pengetahuan dan meluaskan pengalaman. Perkhidmatannya kepada beberapa tokoh sufi yang terkenal

di Yaman, Madinah, dan Damsiq diberi penekanan dalam meneliti persekitaran (*milen*) yang dapat memberi kesan yang nyata dalam perkembangan pemikiran beliau, yang dapat disaksikan melalui karya-karya tulisnya yang telah diidentifikasi (dipastikan).

BAB KETIGA: Dikhaskan untuk kajian teks (*al-Nafbah*), diusahakan mengikuti kaedah *tabqiq* (filologi) untuk memberi kejelasan lafaz dan makna dalam teks dengan merujuk kepada pelbagai naskhah yang berbeza. Kemudian terjemahan teks ke dalam bahasa Melayu dan sekali gus menetapkan kajian *tawthiq* ayat-ayat al-Quran dan *takbrij* hadis-hadis yang terdapat di dalam teks (*dirasah tawthiqiyah*).

BAB KEEMPAT pula mengandungi ulasan kandungan naskhah dan rumusannya bagi memudahkan lagi pemahaman terhadap pemikiran Syeikh Yusuf yang terdapat dalam risalah *al-Nafbah*.

Dengan izin Allah SWT buku ini dapat disiapkan dengan penuh tanggungjawab ilmiah. Namun demikian, sudah tentu ia tidak akan terlepas daripada kekurangan dan kelemahan, baik dari segi metodologi mahupun rumusan hasil kajian yang telah dicapai. Kita bermohon kepada Allah SWT, semoga buku ini boleh memberi manfaat kepada pembacanya dan menambahkan lagi rujukan pustaka yang berguna bagi mengembangkan dan memajukan warisan intelektual Islam, khususnya di kawasan Nusantara (alam Melayu). Terutama dalam mempertahankan kefahaman Ahli Sunnah Wal-Jama'ah di rantau ini.

Bab 1

PENGENALAN RISALAH *AL-NAFHAH AL-SAYLANIYYAH*

PENGENALAN

Hasil karya Syeikh Yusuf al-Taj kebanyakannya merupakan ringkasan (*kbulasah*) daripada kitab-kitab yang telah diijazahkan kepadanya yang sengaja dipilih untuk dijadikan sebagai nota dalam pengajian dan pengajaran yang dilakukannya di rumah ataupun di surau. Dengan demikian, tulisan beliau dalam satu tajuk tidaklah terlalu tebal dan ia hanya terdiri daripada puluhan halaman saja. Isi kandungan lazimnya menggunakan pendekatan nasihat (*al-man'izah al-hasanah*) yang berhubungan dengan masalah-masalah tauhid (akidah) dan tasawuf, dan hanya sedikit sekali tulisan beliau yang menyentuh kepada perkara-perkara fikah (hukum-hakam).

Setelah membaca pelbagai hasil karya beliau, seperti *al-Nafhab*, *Zubdat al-Asrar*, *al-Fath al-Rabbaniy*, *Matalib al-Salikin* dan lain-lain, dapat difahami bahawa Syeikh Yusuf sangat berminat dalam ilmu-ilmu tauhid dan tasawuf. Beliau telah mengkaji pemikiran ulama tasawuf sebelumnya, seperti Imam Abu Nasr al-Sarraj, al-Junaid, al-Qusyairi, al-Ghazali, Ibn 'Arabi, al-Tilmisani, al-Sakandari dan lain-lain, dengan menjadikannya sebagai rujukan dalam hasil karya beliau.

Objektif kajian dalam bab ini ialah untuk meneliti dan menelusuri teks risalah *al-Nafhab al-Saylaniyyah* dengan menggunakan dua naskhah yang berbeza bagi melengkapi kajian *tabqiq* (filologi), serta diterjemahkan dalam bahasa Melayu bagi memudahkan memahami kandungannya. Nas-nas ayat al-Quran akan dijelaskan surah dan ayatnya, demikian pula nas-nas hadis akan *ditakbrij* (dinyatakan sumbernya) sesuai dengan



Glosari

- Anre guru : Maha guru, tuan guru, kiyai (Jawa).
- Asrar : Rahsia ilmu yang terdapat disebalik yang nyata.
- Lontarak : Kumpulan tulisan lama dalam bahasa Bugis, sama ada dalam bentuk sejarah atau petua-petua dan lain-lain.
- Matalib : Pelbagai tuntutan atau permintaan.
- Nafhah : Hadiah, anugerah atau bingkisan.
- Risalah : Kumpulan tulisan ringkas (dalam bahasa Arab).
- Suluk : Ikhtiar hamba mendekati diri kepada Allah.
- Tarekat : Sistem amalan zikrullah yang diasaskan pada konsep ilmu tasawuf.
- Takhrij : Kajian teks hadis dan riwayatnya bagi menetapkan status darjah hadis.
- Tahqiq : Kajian teks kitab lama (bahasa Arab) bagi menetapkan kesahihannya.
- Tuanta : Tuan kita, orang kenamaan atau pembesar.
- Turas : Karya tulis ulama silam yang menjadi sumber asal.

Jalan Menuju Allah

Bingkisan Syeikh Yusuf al-Taj al-Khalwaty di Ceylon

Risalah “al-Nafhah al-Sailaniyyah” merupakan turas tasawuf yang masyhur di Nusantara. Ia ditulis oleh Syeikh Yusuf al-Taj, ulama Makassar yang cukup terkenal di Alam Melayu. Risalah ini bertujuan untuk memberi penjelasan kepada umat Islam tentang kedudukan ilmu tasawuf dalam Islam, termasuk cara melakukan suluk, mendekatkan diri (taqarub) kepada Allah melalui ibadah dan zikrullah. Buku ini boleh dianggap sebagai pembuka tabir untuk lebih mengenali lagi kedudukan ilmu tasawuf sebagai bahagian yang tidak dipisahkan dengan ilmu-ilmu Islam yang lain seperti ilmu fikah dan juga ilmu tauhid. Penerbitan buku ini dapat menjelaskan kefahaman terhadap kekeliruan yang boleh menghakis citra ilmu tasawuf sebagai ilmu fardu ‘ain dalam membangunkan kefahaman Islam umat Islam.

SYAMSUL BAHRI ANDI GALIGO, Profesor Madya di USIM, berkelulusan al-Aliyah di Universiti Azhar, MA di Universiti Cairo dan Doktor Falsafah di UKM. Beliau banyak menyelidik tentang akidah, dakwah dan tasawuf. Sekarang beliau bertugas sebagai penyelidik utama di Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama’ah di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Brunei Darussalam. Antara karya tulisannya ialah: *Dirasat fi al-fikr al-Islami al-mua’asir*, *Muhadarat fi al-‘aqidah al-Islamiyah*, *Muhadarat fi adab al-Ikhtilaf*, *Kunci Memahami Ilmu Tasawuf dan Isu-isu Pemikiran Islam*.

